

PEJABAT PENDAFTAR PERTUBUHAN PELADANG

LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG

NO. 20 MENARA LPP, JALAN SULTAN SALAHUDDIN, 50480 KUALA LUMPUR

ATAU KARUNG BERKLINCI 11005, 50900 KUALA LUMPUR

TEL : 03 - 26100600

FAX : 03 - 26970872

Ruj. Tuan

Ruj. Kemi

Tarikh

LPP(B) 5/6 Jld 4 (19)

11 Julai 2012

Pengurus Besar
Lembaga Pertubuhan Pertanian Muda (MADA)

Pengurus Besar,
Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA)

Pengurus Besar,
Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS)

Pengarah,
Lembaga Pertubuhan Peladang
Negeri

Y. Bhg. Dato'/ Tuan / Puan,

ARAHAN PENDAFTAR PERTUBUHAN PELADANG BIL.1 TAHUN 2012 PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN PERTUBUHAN PELADANG (PP)

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas, bersama-sama ini disertakan Arahan Pendaftar Pertubuhan Peladang Bil. 1 Tahun 2012 – Pembahagian Keuntungan Pertubuhan Peladang (PP) untuk perhatian dan tindakan Y. Bhg. Dato'/ Tuan / Puan selanjutnya.

2. Sukacita dapat pihak Y. Bhg. Dato'/ Tuan/ Puan mencetak secukupnya untuk diedarkan kepada semua PP di bawah penyeliaan Y. Bhg. Dato'/ Tuan / Puan.


3. Sekiranya ada sebarang pertanyaan berkenaannya, sukacita menghubungi Encik Mohd. Faizul bin Muhammad, Bahagian Penyeliaan, Ibu Pejabat LPP di talian 03-26970872 samb. 9799.

Sekian, terima kasih.

11 Julai 2012

Tema Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 2011
“TRANSFORMASI PERTANIAN PENERAJU EKONOMI NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(MOHAMMAD NAZZERI BIN RAMLI)

b.p: Pendaftar

Pertubuhan Peladang.

s.k : Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan

Timbalan Ketua Pengarah Operasi

Setiausaha Tetap,
Kementerian Permodenan Pertanian Sarawak,
Merangkap Wakil Pendaftar,
Pertubuhan Peladang Negeri Sarawak

Pejabat Wakil Pendaftar
Pertubuhan Peladang Sarawak
d/a Ibu Pejabat Jabatan Pertanian Sarawak
Tingkat 13, Menara Pelita
Jalan Tun Abdul Rahman Yakub
93050 Petra Jaya
Kuching Sarawak

Pengarah Bahagian

Urusetia Ketua Pengarah

Pegawai Peladang Daerah.....

PEJABAT PENDAFTAR PERTUBUHAN PELADANG

d/a LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG

NO. 20 MENARA LPP, JALAN SULTAN SALAHUDDIN, 50480 KUALA LUMPUR

ATAU KARUNG BERKUNCI 11005, 50990 KUALA LUMPUR

TEL : 03 - 26109600

FAX : 03 - 26970872

Ruj. Tuan : LPP(B) 5/6 Jld 4 (19)
Ruj. Kami : 11 Julai 2012
Tarikh :

ARAHAN PENDAFTAR PERTUBUHAN PELADANG

BIL. 1 TAHUN 2012

PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN PERTUBUHAN PELADANG (PP)

1. Tujuan

Arahan ini dikeluarkan bertujuan untuk menetapkan tatacara dan penambahbaikan arahan-arahan terdahulu berkaitan pembahagian keuntungan Pertubuhan Peladang (PP) ke atas keuntungan bersih yang ditunjukkan di dalam Laporan Audit dan Penyata Kewangan yang telah diperakukan oleh Pendaftar PP.

2. Latar Belakang

2.1 Peraturan 56(4), Peraturan-Peraturan PP 1983 dan Perlembagaan PP telah menetapkan bahawa daripada keuntungan bersih tahunan sesebuah PP setelah ditolak peruntukan Kumpulanwang Rezab (25%), maka bakinya bolehlah dibahagikan kepada satu atau lebih kegunaan seperti berikut mengikut pertimbangan Mesyuarat Agung Tahunan:

- a. Pembayaran bonus kepada pekerja-pekerja;
- b. Pembayaran dividen atau dividen naungan kepada ahli-ahli atau unit ahli;
- c. Pembayaran honorarium kepada pegawai-pegawai (Jemaah Pengarah) PP;

- d. Pewujudan dan penyelenggaraan sesuatu Kumpulanwang kebajikan; dan
- e. Apa-apa maksud lain sebagaimana yang ditetapkan di dalam Perlembagaan atau Kaedah-Kaedah PP.

2.2 Peraturan 56(5), (6) dan (7), Peraturan-Peraturan PP 1983 telah menetapkan seperti berikut :

- a. Pendaftar PP boleh menghadkan amaun honorarium kepada Pegawai-pegawai (Jemaah Pengarah) PP;
- b. Bayaran dividen yang melebihi 10% mesti mendapat kelulusan Pendaftar PP;
- c. Bayaran ke dalam suatu Kumpulanwang Kebajikan tidak boleh melebihi 10%.

2.3 Bagi maksud menjalankan pengawasan dan pengawalan terhadap PP sepertimana diperuntukkan di bawah Seksyen 7(1) Akta PP 1973, Pendaftar boleh menghadkan kadar bayaran bonus kepada pekerja-pekerja, bayaran ke dalam suatu Kumpulanwang Kebajikan dan lain-lain kegunaan PP.

2.4 Arahan Pendaftar PP Bil. 02 Tahun 1997 telah mengarahkan PP membuat peruntukan sebagai sumbangan kepada Yayasan Pelajaran Peladang (YPP). Kadar sumbangan tersebut adalah 2% dari untung bersih atau maksimum RM20,000 bagi Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS), RM10,000 bagi Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) dan RM2,000 bagi Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK).

3. Tafsiran

3.1 Untung Bersih

Untung bersih yang digunapakai di dalam Arahan ini adalah bermaksud 'Untung Bersih' atau 'Untung Bersih Sebelum Cukai ' (bagi PP yang telah dikenakan cukai pendapatan) sepertimana yang ditunjukkan di dalam Laporan Audit dan Penyata Kewangan yang telah diperakukan oleh Pendaftar PP.

3.2 Keuntungan Terkumpul

Keuntungan yang dibawa dari tahun pertama perniagaan sehingga tahun semasa.

4. Penetapan Pengagihan Keuntungan

4.1 Dengan kuasa-kuasa yang diberikan di bawah Peraturan 56, Peraturan-Peraturan PP 1983 serta bagi maksud menjalankan tugas-tugas Pendaftar di bawah Seksyen 7(1) Akta PP 1973, maka kadar pembahagian keuntungan PP adalah ditetapkan seperti berikut:

- a. Sumbangan kepada YPP sebanyak 2% atau maksimum RM20,000 bagi NAFAS, RM10,000 bagi PPN dan RM2,000 bagi PPK.
- b. Kadar dividen yang boleh dikeluarkan bagi:-

NAFAS dan PPN – tidak melebihi 30% dimana pembayaran dividen tunai dihadkan 15% dan bakinya dibayar dalam bentuk saham.

PPK - tidak melebihi 15% dimana pembayaran dividen tunai dihadkan 10% dan bakinya dibayar dalam bentuk saham.

Kadar dividen yang boleh dikeluarkan adalah ke atas saham yang genap bayarannya pada akhir tahun kewangan dengan syarat saham tersebut telah dibayar penuh pada awal tahun kewangan berkenaan, iaitu tahun yang terdahulu daripada tahun pengisytiharan pembahagian keuntungan itu dibuat.

- c. Kadar maksimum bayaran bonus kepada pekerja-pekerja adalah tidak melebihi 10% atau tidak melebihi purata 3 bulan gaji pokok mana yang rendah.

- d. Kadar maksimum bayaran honorarium kepada pegawai-pegawai (Jemaah Pengarah) adalah tidak melebihi 5%, atau tidak melebihi amaun berikut mana yang rendah :

NAFAS - RM540,000

PPN - RM390,000

PPK - RM264,000

- e. Sumbangan kepada Kumpulanwang Menebus Saham – Tidak melebihi 15%.
- f. Bayaran hadiah atas langganan kepada ahli-ahli – Tidak melebihi 20% atau pun tidak melebihi peratus dari margin keuntungan perniagaan input atau barangniaga berkenaan yang akan dibayar hadiah atas langganan yang mana terendah.
- g. Kumpulanwang -Kumpulanwang yang telah didaftar – Tidak melebihi 10% bagi setiap Kumpulanwang .
- h. Lain-lain Tabung atau Skim yang telah diluluskan oleh Pendaftar dari masa ke semasa – Tidak melebihi 10% bagi setiap Tabung atau Skim.

4.2 Permohonan bayaran Dividen yang melebihi peratusan dari had yang ditetapkan sepertimana mengikut para 4.1 (b) boleh dipertimbangkan dengan syarat PP mendapat markah keseluruhan sebanyak 59 markah.

4.3 Permohonan bayaran bonus pekerja-pekerja yang melebihi dari had yang ditetapkan sepertimana mengikut para 4.1 (c) boleh dipertimbangkan dengan syarat PP mencapai markah keseluruhan 59 markah dan mengemukakan alasan menggunakan format seperti di Lampiran III.

4.4 Permohonan bayaran hadiah atas langganan mengikut para 4.1 (f) perlu dikemukakan senarai ahli yang berlanggan secara tunai yang akan dibayar hadiah atas langganan.

4.5 Bagi penetapan kadar sebenar pembahagian keuntungan "Panduan Pembahagian Keuntungan PP" seperti di **Lampiran 'A'** hendaklah digunapakai.

4.6 Pembahagian keuntungan hanya boleh dilaksanakan oleh PP setelah mendapat kelulusan bertulis dari Pendaftar atau Wakil Pendaftar yang mana berkenaan.

5. Larangan

Pertubuhan Peladang tidak dibenarkan membuat pembahagian keuntungan daripada keuntungan terkumpul pada tahun kewangan sebelumnya dimana pada tahun tersebut pembahagian keuntungan daripada keuntungan berkenaan telah dibuat.

6. Proses Kelulusan

PP yang bercadang untuk membahagi-bahagi keuntungan dan membayar dividen kepada ahli-ahli hendaklah terlebih dahulu membuat peruntukan mengikut cara-cara yang ditetapkan di para 4 Arahan ini dan diputuskan di Mesyuarat Agung Tahunan PP. Seterusnya cadangan skim pembahagian keuntungan tersebut hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar dalam tempoh satu bulan selepas Mesyuarat Agung, melalui Wakil-Wakil Pendaftar yang dikehendaki menyemak dan membuat sokongan untuk pertimbangan kelulusan Pendaftar. Bagi Wakil-Wakil Pendaftar yang telah di wakikan kuasa melalui Arahan Pendaftar PP Bil. 3 Tahun 2001 bolehlah memproses terus cadangan yang dikemukakan untuk tujuan kelulusan.

7. Tarikh Kuatkuasa

Arahan ini berkuatkuasa bagi permohonan pembahagian keuntungan PP tahun kewangan 2011 dan seterusnya. Dengan berkuatkuasanya arahan ini, Arahan Pendaftar PP Bil. 1/2009 adalah dibatalkan. Arahan Pendaftar ini perlu dibaca bersama dengan Pekililing Pendaftar PP Bil. 1/1998. Tarikh kuatkuasa Arahan Pendaftar ini mulai **11** haribulan **Julai** tahun **Dua Ribu Dua Belas**.



(DATO' ARPAN SHAH BIN SATU)
Pendaftar
Pertubuhan Peladang

PANDUAN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN PERTUBUHAN PELADANG

1. TUJUAN

Tujuan kertas ini adalah untuk menggariskan asas-asas yang perlu dipertimbangkan dalam meluluskan permohonan pembahagian keuntungan Pertubuhan Peladang (PP)

2. LATAR BELAKANG

- i. Mengikut amalan sekarang semua pembahagian keuntungan yang telah diluluskan dalam mesyuarat agung tahunan sama ada ia memenuhi syarat yang ditetapkan atau sebaliknya PERLU mendapat kelulusan Pendaftar atau Wakil Pendaftar (mengikut mana berkenaan) terlebih dahulu sebelum ianya dilaksanakan. Tatacara ini dibuat supaya Pendaftar yang dianggap 'Custodian Trustee' dapat memastikan bahawa sebarang pembahagian keuntungan yang diisytiharkan itu tidak menjejaskan prestasi kewangan PP masa kini dan akan datang.
- ii. Amalan sekarang juga mendapati kerja-kerja memproses permohonan pembahagian keuntungan PP dibuat mengikut pendekatan pegawai-pegawai yang berkenaan kerana pembentukan asas yang seragam secara rasmi tidak dibuat. Perkara utama yang diambil perhatian didalam kerja memproses sesuatu permohonan biasanya tertumpu kepada baki wang tunai, akaun akan terima, akaun keuntungan/kerugian dan budi bicara Pendaftar atau Wakil Pendaftar. Lantaran itu tidak ada asas penyeragaman dalam meluluskan sesuatu permohonan.

3. ASAS-ASAS DAN SYARAT MELULUSKAN SKIM PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN PP

Permohonan Pembahagian Keuntungan PP yang telah diluluskan dahulu tidak ada penyeragaman kerana asas-asasnya tidak ditetapkan secara rasmi. Oleh itu asas-asas perlu dibentuk supaya penyeragaman secara keseluruhan dapat dibuat. Asas-asas yang dibentuk ini perlulah mengambilkira perkara berikut:

a. Falsafah Organisasi

PP ditubuhkan berasaskan prinsip koperasi dimana perkhidmatan kepada ahli adalah tujuan utama. Oleh itu sebarang keputusan yang dibuat terhadap pembahagian keuntungan hendaklah menjuruskan kesannya terhadap perkhidmatan kepada ahli. Pembahagian keuntungan PP adalah menjadi perkara kedua di dalam prinsip yang seharusnya diamalkan oleh PP.

b. Tadbir Urus Yang Baik

Jemaah Pengarah PP menjalankan kewajipan 'fiduciary' atau menjalankan tugas sebagai seorang pemegang amanah bagi pihak ahli-ahli PP. Mereka menjalankan tugas secara kehormat. Bagi melaksanakan tadbir urus yang baik konsep kepentingan PP paling utama daripada kepentingan individu. Oleh itu keputusan pembahagian keuntungan hendaklah mengambil kira konsep ini.

c. Konsep Pembentukan Struktur Modal Yang Optimum

Konsep ini menentukan dalam sesuatu keadaan nisbah hutang terhadap ekuiti PP berada pada tahap yang optimum. Secara umumnya kos penggunaan modal dalaman (saham & keuntungan terkumpul) adalah lebih murah jika dibandingkan penggunaan modal luar (pinjaman, akaun akan bayar) di dalam operasi perniagaan PP. Oleh itu pembahagian keuntungan perlu mengambil kira konsep keuntungan yang diperolehi PP digunakan semula bagi menjana perkhidmatan yang lebih baik kepada ahli.

d. Kesan Terhadap Cukai Pendapatan PP

Untung terkumpul akan menjadi Kumpulanwang ahli. Bagi PP yang telah dikenakan cukai pendapatan semakin tinggi jumlah Kumpulanwang ahli semakin besar jumlah potongan ke atas cukai yang akan diperolehi oleh PP. Oleh itu perkara ini kena diambilkira di dalam keputusan pembahagian keuntungan.

- e. Kesinambungan Operasi PP Tidak Terjejas Akibat Dari Keputusan Pembahagian Keuntungan Ini.

Menentukan pengaliran tunai atas pembahagian keuntungan tidak membebankan PP yang memungkinkan menjejaskan operasi dan kesihatan kewangan PP masakini atau akan datang.

4. PENETAPAN TAHAP ASAS

- a. Ada 7 tahap asas yang ditetapkan dalam meluluskan permohonan Pembahagian Keuntungan. Pemberian markah penuh bagi suatu tahap adalah mengikut kepentingannya terhadap kemampuan kewangan dan pencapaian keuntungan bersih bagi tahun pengisytiharan Pembahagian Keuntungan.
- b. Penetapan Tahap Asas adalah seperti berikut :

TAHAP ASAS 1

Objektif : Menentukan PP mempunyai wang tunai yang mencukupi untuk membuat pembayaran Pembahagian Keuntungan dan tidak menjejaskan Modal Kerja dan Aktiviti PP

Markah Penuh : 15

TAHAP ASAS 2

Objektif : Menentukan peruntukan hutang sangsi dan rosot nilai diadakan secukupnya supaya keuntungan bersih yang dicatatkan dapat menunjukkan gambaran sebenar dan saksama.

Markah Penuh : 10

TAHAP ASAS 3

Objektif : Menentukan akaun kawalan bagi Akaun Akan Terima disokong atau bersamaan dengan senarai akaun individu. Ini dapat menunjukkan baki akaun akan terima tidak diragui.

Markah Penuh : 7

TAHAP ASAS 4

Objektif : Menentukan PP berkeupayaan menjelaskan tanggungan semasanya

Markah Penuh : 7

TAHAP ASAS 5

Objektif : Menentukan struktur modal PP berada pada tahap yang optimum. Sesuatu pembahagian keuntungan yang diisytiharkan itu tidak menjejaskan struktur modal PP secara keseluruhan.

Markah Penuh : 6

TAHAP ASAS 6

Objektif : Menentukan sesuatu pembahagian keuntungan yang diisytiharkan itu tidak menjejaskan prestasi/kesihatan kewangan PP secara keseluruhan.

Markah Penuh : 5

Markah Penuh bagi ke enam-enam tahap : 50

TAHAP ASAS 7a, 7b, 7c, 7d dan 7e.

Objektif : Menentukan PP telah mengagihkan peruntukan pembahagian dividen dan peruntukan hadiah atas langganan yang telah diluluskan oleh Pendaftar sebelum ini. Perkara ini penting bagi memastikan hak ahli benar-benar telah dilaksanakan sepenuhnya. Juga untuk memastikan PP tidak mendapat teguran audit bersyarat dan penggunaan purata keseluruhan Kumpulanwang sebanyak 60% serta untuk melihat keuntungan bersih setelah ditolak kos dibantu samada positif ataupun negatif. Markah yang diperolehi merupakan anugerah dan hukuman (penalti) ke atas jumlah markah yang diperolehi pada Tahap Asas 1 hingga 6.

<u>Markah Penuh</u> :	<u>Anugerah</u>	<u>Penalti</u>
Tahap Asas 7a	+3	-3
Tahap Asas 7b	+3	-3
Tahap Asas 7c	+3	-3
Tahap Asas 7d	+3	-3
Tahap Asas 7e	+3	-3

- c. Butir-butir dan kaedah pemberian markah bagi setiap tahap adalah seperti di dalam **Lampiran 'I'**

5. PENENTUAN UNTUNG BERSIH YANG BOLEH DIBAHAGIKAN

Penentuan untung bersih boleh bahagi adalah seperti berikut :

Untung Bersih Sebelum Cukai	RM_____
Campur/Tolak * Item Luar Biasa	RM_____
Jumlah Untung Bersih	RM_____
Tolak : Rezab Berkanun 25%	RM_____
Untung Bersih Selepas Rezab Berkanun	RM_____
Tolak : Yayasan Pelajaran Peladang 2%	RM_____
Tolak : Peruntukan Cukai Pendapatan	RM_____
Campur/Tolak:**Pelarasan Akaun Tahun Lepas	RM_____
<i>Baki Untung Bersih Boleh Bahagi</i>	RM_____

*Item Luar Biasa

Item Luar Biasa dalam konteks ini adalah 'Pendapatan atau Perbelanjaan atas perkara-perkara yang luar daripada kebiasaan aktiviti PP'

**Pelarasan Akaun Tahun Lepas

Pelarasan Akaun Tahun Lepas perlu diambil kira kerana ianya merupakan item 'Pendapatan/Perbelanjaan' yang ketinggalan dalam menyediakan Penyata Kewangan di dalam suatu tahun kewangan. Ketinggalan ini telah menunjukkan Keuntungan/Kerugian Bersih yang tidak tepat.

6. PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN YANG DILULUSKAN

- a. Kelulusan yang diberi adalah berpandukan kepada markah yang diperolehi (berdasarkan kiraan seperti di dalam Lampiran 'I') seperti berikut :

i. Pencapaian Markah 46 – 65

Permohonan Pembahagian Keuntungan boleh diluluskan dengan had seperti ditetapkan di dalam Arahan Pendaftar ini.

ii. Pencapaian Markah 27 – 45

Permohonan Pembahagian Keuntungan boleh diluluskan dengan had yang ditetapkan seperti berikut :

1. Dividen atas saham tidak melebihi 10%.
2. Bonus kepada Pekerja-pekerja tidak melebihi 8% atau tidak melebihi purata 3 bulan gaji mana yang rendah.
3. Honorarium kepada Pegawai tidak melebihi 4% atau tidak melebihi amaun berikut mana yang rendah :

NAFAS	- RM540,000
PPN	- RM390,000
PPK	- RM264,000
4. Sumbangan kepada Kumpulanwang menebus saham tidak melebihi 10%.
5. Bayaran Hadiah atas Langganan kepada ahli tidak melebihi 10%.
6. Sumbangan kepada Kumpulanwang yang telah didaftarkan tidak melebihi 5% setiap satu.
7. Sumbangan kepada Tabung atau Skim yang telah diluluskan oleh Pendaftar tidak melebihi 5% setiap satu.

iii. Pencapaian Markah 26 ke bawah

1. Dividen atas saham tidak melebihi 10%.
2. Bonus kepada Pekerja-pekerja tidak melebihi 6% atau tidak melebihi purata 3 bulan gaji mana yang rendah.
3. Honorarium kepada Pegawai tidak melebihi 3% atau tidak melebihi amaun berikut mana yang rendah:

NAFAS	- RM540,000
PPN	- RM390,000
PPK	- RM264,000
4. Sumbangan kepada Kumpulanwang menebus saham tidak melebihi 5%.
5. Bayaran Hadiah atas Langganan kepada ahli tidak melebihi 5%.
6. Sumbangan kepada Kumpulanwang yang telah didaftarkan tidak melebihi 2.5% setiap satu.
7. Sumbangan kepada Tabung atau Skim yang telah diluluskan oleh Pendaftar tidak melebihi 2.5% setiap satu.

**Panduan Pemberian Markah Bagi Meluluskan Permohonan
Pembahagian Keuntungan Pertubuhan Peladang (PP)**

Tahap Asas	Penjenisan Asas		Ukuran Penilaian	Markah Diberi	Markah Penuh
1	Mempunyai baki wang tunai di Bank dan di Tangan semasa yang mencukupi untuk membuat pembayaran dan tidak menjelaskan Modal Kerja bagi menjalankan aktiviti PP	Menggunakan Nisbah (Baki Tunai di tangan & Bank - Simpanan Ahli & Terimaan Terdahulu) <hr/> Baki Tunai Di Tangan & Bank - Simpanan Ahli & Terimaan Terdahulu	1:0 - 0 dan ke bawah 1:0.01 - 0.09 1:0.10 - 0.19 1:0.20 - 0.29 1:0.30 - 0.39 1:0.40 - 0.49 1:0.50 - 0.59 1:0.60 - 0.69 1:0.70 - 0.79 1:0.80 - 0.89 1:0.90 - ke atas	0 1.5 3.0 4.5 6.0 7.5 9.0 10.5 12.0 13.5 15.0	15
2	Peruntukan Hutang Sangsi atas Akaun Akan Terima dan rosot nilai atas pelaburan diperuntukan dengan secukupnya dalam tahun semasa. Sekiranya peruntukan hutang sangsi dan rosot nilai tidak dibuat, maka teguran juruaudit atas amaun sewajarnya yang perlu dibuat peruntukan hendaklah diambil kira	Menggunakan Nisbah: Keuntungan Bersih Semasa - Jumlah peruntukan Hutang Sangsi/Rosot nilai Yang Sepatutnya <hr/> Jumlah Keuntungan Bersih	1:0 - 0 dan ke bawah 1:0.01 - 0.09 1:0.10 - 0.19 1:0.20 - 0.29 1:0.30 - 0.39 1:0.40 - 0.49 1:0.50 - 0.59 1:0.60 - 0.69 1:0.70 - 0.79 1:0.80 - 0.89 1:0.90 - ke atas	0 1 2 3 4 5 6 7 8 9 10	10
3	Menentukan tidak berlakunya perbezaan di antara Akaun Kawalan dengan baki Akaun Individu bagi Akaun Akan Terima. Khususnya bagi situasi di mana Akaun Kawalan melebihi baki Akaun Individu.	Menggunakan Nisbah: Keuntungan Bersih Semasa - Perbezaan Akaun Yang Wujud <hr/> Keuntungan Bersih Semasa	1:0 - 0 dan ke bawah 1:0.01 - 0.09 1:0.10 - 0.19 1:0.20 - 0.29 1:0.30 - 0.39 1:0.40 - 0.49 1:0.50 - 0.59 1:0.60 - ke atas	0 1 2 3 4 5 6 7	7

Tahap Asas	Penjenisan Asas		Ukuran Penilaian	Markah Diberi	Markah Penuh															
4	Menentukan PP mampu menjelaskan tanggungan semasanya. Semua akaun individu tanggungan semasa yang genap masa boleh diselesaikan.	Menggunakan Nisbah: <div style="text-align: center;"> <u> Harta Semasa </u> Tanggungan Semasa </div>	Kurang dari 1:1 1 - 1.10:1 1.11 - 1.20:1 1.21 - 1.30:1 1.31 - 1.40:1 1.41 - 1.50:1 1.51 - 1.60:1 1.61 - Ke atas	0 1 2 3 4 5 6 7	7															
5	Menentukan struktur modal PP berada pada tahap yang optimum. Nisbah tanggungan terhadap harta dipertentukan.	Menggunakan Nisbah: <div style="text-align: center;"> <u> Jumlah Tanggungan </u> Jumlah Harta </div>	0.81 - Ke atas 0.71 - 0.80 0.61 - 0.70 0.51 - 0.60 0.41 - 0.50 0.40 - Ke bawah	0 1 2 3 4 6	6															
6	Menentukan PP mempunyai baki Akaun Keuntungan Berkumpul yang boleh menemui amaun pembayaran Pembahagian Keuntungan	Menggunakan Tiga Kaedah: <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <thead> <tr> <th colspan="3">Kaedah</th> </tr> <tr> <th>(a)</th> <th>(b)</th> <th>(c)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>(+)</td> <td>(-)</td> <td>(+)</td> </tr> <tr> <td>(+)</td> <td>(+)</td> <td>(+)</td> </tr> <tr> <td>(+)</td> <td>(+)</td> <td>(+)</td> </tr> </tbody> </table> <u>Campur/Tolak</u> Keuntungan Tahun Semasa <u>Nota:</u> Tanda (+) - Amaun Keuntungan Tanda (-) - Amaun Kerugian	Kaedah			(a)	(b)	(c)	(+)	(-)	(+)	(+)	(+)	(+)	(+)	(+)	(+)	Situasi: (a) (+) Keuntungan (b) (+) Keuntungan (c) (-) Kerugian Markah Penuh:	5 3 1	5 50
Kaedah																				
(a)	(b)	(c)																		
(+)	(-)	(+)																		
(+)	(+)	(+)																		
(+)	(+)	(+)																		
7	Memastikan PP :- i) Telah mengagihkan pembahagian dividen dan hadiah atas langganan yang telah diluluskan oleh Pendaftar sebelum ini. ii) Mendapat audit tidak bersyarat. iii) Penggunaan purata Kumpulanwang sebanyak 60% yang telah diluluskan oleh Pendaftar sebelum ini. iv) Keuntungan bersih setelah ditolak kos dibantu.	Menggunakan Kaedah a) Peruntukan pembahagian dividen berbaki atau tidak. b) Peruntukan rebat atas langganan berbaki atau tidak. c) Laporan audit tidak bersyarat. d) Penggunaan purata Keseluruhan Kumpulanwang sebanyak 60%. e) Keuntungan bersih setelah ditolak kos dibantu.	Denda yang dikenakan i) Berbaki ii) Tidak Berbaki i) Berbaki ii) Tidak Berbaki i) Bersyarat ii) Tidak bersyarat i) 50%-59% ii) 40%-49% iii) < 39% iv) >60% i) Positif ii) Negatif	Markah ditolak / ditambah -3 +3 -3 +3 -3 +3 -1 -2 -3 +3 +3 -3																

**PERMOHONAN KELULUSAN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN
PP _____ BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DIS _____**

1. No Bilangan Surat Permohonan : _____
2. Minit Mesyuarat AJP dan Mesyuarat Agung yang berkaitan disertakan
3. Kadar-Kadar Pembahagian Keuntungan Yang Di Pohon

	Peratus (%)	RM
a. Yayasan Pelajaran Peladang	2	_____
b. Dividen atas Saham	_____	_____
c. Bonus Kepada Pekerja	_____	_____
d. Honororium Pegawai	_____	_____
e. Hadiah atas Langganan	_____	_____
f. Kumpulanwang Kebajikan Ahli	_____	_____
g. Kumpulanwang Kebajikan Am	_____	_____
h. Kumpulanwang Pendidikan	_____	_____
i. Kumpulanwang Pemajuan	_____	_____
j. Kumpulanwang Menebus Saham	_____	_____
k. Tabung Yang Diluluskan	_____	_____
	Jumlah	_____

4. Baki Untung Bersih Boleh Bahagi
Kedudukan akaun seperti mengikut Laporan Audit

	RM
Untung Bersih Sebelum Cukai	_____
Campur/Tolak : Item Luar Biasa	_____
Jumlah Untung Bersih Sebelum Cukai	_____
Tolak : Rezab Berkanun	_____
Untung Bersih Selepas Rezab Berkanun	_____
Tolak : Yayasan Pelajaran Peladang 2%	_____
Tolak : Peruntukan Cukai Pendapatan	_____
Campur/Tolak Pelarasan Akaun Tahun Lepas	_____
Baki Untung Bersih Boleh Bahagi	_____

5. Butir-butir untuk keperluan Kertas Perkiraan Markah dalam meluluskan permohonan telah dicatitkan seperti di Lampiran 'I'
6. Keputusan perkiraan seperti di Lampiran 'I' telah menunjukkan bahawa markah yang diperolehi adalah _____
Kelulusan Diberi : Ketetapan Para 7a _____ Panduan Pembahagian Keuntungan.
7. Butir-butir Kelulusan Pembahagian Keuntungan adalah seperti Lampiran 'Iib'

**KELULUSAN PERMOHONAN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN
BERASASKAN PENCAPAIAN MARKAH YANG DIPEROLEHI
PP _____ BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR**

31 DIS _____

Markah Diperolehi : _____

Kelulusan Diberi Mengikut Ketetapan : 7a _____

<u>Butir Pembahagian Keuntungan</u>	<u>Dipohon</u>	<u>Dilulus</u>
Yayasan Pelajaran Peladang 2%	RM _____	RM _____
Baki Untung Bersih Boleh Bahagi	RM _____	RM _____

Pembahagian Keuntungan

Dividen Atas Saham	___% RM _____	___% RM _____
Bonus Kepada Pekerja	___% RM _____	___% RM _____
Honorarium Pegawai	___% RM _____	___% RM _____
Hadiah Atas Langganan	___% RM _____	___% RM _____
Kumpulanwang -Kumpulanwang		
Kebajikan Am	___% RM _____	___% RM _____
Kebajikan Ahli	___% RM _____	___% RM _____
Pemajuan	___% RM _____	___% RM _____
Pendidikan	___% RM _____	___% RM _____
	Jumlah RM _____	RM _____
Baki Keuntungan Bersih Di bawa Kehadapan	RM _____	RM _____

PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN TAHUN KEWANGAN _____
-Permohonan Pembayaran Bonus Pekerja Melebihi Had Ditetapkan-

PP : _____

Amaun Pembayaran Bonus Pekerja Yang Dihadkan : RM _____

Amaun Pembayaran Bonus Pekerja Yang Dipohon : RM _____

Alasan:

1.

2.

3.

4.

5.

Tandatangan :

Nama :

Jawatan : Pengurus Besar